

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
(RASA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2017

Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah hasil kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sejak ia dilaksanakan; dan
- (b) mengapakah Kerajaan tidak mengurangkan kadar cukai GST atau memansuhkan cukai tersebut untuk meringgankan beban rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember

2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Manakala bagi tahun 2016, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM41.206 bilion.

b. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula kadar standard GST yang pada masa ini ditetapkan pada kadar 6%. Kadar tersebut ditetapkan setelah dibuat kajian yang terperinci untuk memastikan ianya adalah yang paling bersesuaian. Antara faktor lain yang juga telah diambil kira adalah seperti berikut:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan pada kadar umum 10% bagi barangan yang diimport dan dikilangkan dalam negara manakala cukai perkhidmatan pula pada kadar 6% bagi perkhidmatan tertentu;
- ii. komposisi sumbangan hasil daripada sektor tertentu; dan
- iii. beban cukai ke atas pengguna.

Bagi memastikan Malaysia dapat meningkatkan daya sains

ekonomi dalam jangka panjang, Kerajaan sangat prihatin tentang implikasi kos tambahan kepada segenap lapisan rakyat dan sektor perniagaan. Dengan itu penelitian secara berterusan dilaksanakan termasuklah membuat kajian perbandingan dengan amalan di negara lain bagi maksud menambah baik sistem GST yang sedia ada. Pendekatan yang diambil adalah untuk mengkaji daya saing Malaysia secara menyeluruh melibatkan juga layanan lain-lain cukai yang dikenakan diperingkat Kerajaan Persekutuan termasuklah keperluan untuk mengkaji kadar cukai korporat dan individu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya menegaskan bahawa Kerajaan sama sekali tidak berhasrat untuk memansuhkan GST. Ini kerana pelaksanaan GST adalah suatu langkah yang sangat tepat dalam menyusun semula sistem percukaian negara ke arah suatu sistem yang lebih telus, efisien dan mesra peniaga. Sebagai suatu sistem yang lebih efisien, tentunya sistem tersebut dapat membantu untuk meningkatkan tahap produktiviti, kecekapan ekonomi dan juga pematuhan kepada undang-undang percukaian negara. Kerajaan sentiasa prihatin untuk membantu meringankan tambahan perbelanjaan kos sara hidup dan sehubungan itu,

yang telah ditingkatkan seperti berikut:

- i. dari RM1,000 ke RM1,200 bagi pendapatan isi rumah kurang dari RM3,000;
- ii. dari RM800 ke RM900 bagi isi rumah yang berpendapatan di antara RM3,000 hingga RM4,000; dan
- iii. dari RM400 ke RM450 bagi individu bujang yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000.